

# Impian memiliki rumah tercapai

## LAPORAN DI MUKA 4

**SIBU:** Penerima surat tawaran Rumah Mesra Rakyat (RMR) mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas keprihatinan dalam membantu rakyat merealisasikan impian untuk memiliki kediaman sendiri.

**SURAT TAWARAN...** Ali menyampaikan surat tawaran kepada salah seorang peserta yang memohon Rumah Mesra Rakyat (RMR) Skim Individu bagi kawasan Sibuan dan Kapiti, di Pusat Khidmat DUN N55 Nangka, semalam.



# Kerajaan realisasikan impian miliki rumah

.....  
EARLANEK

**SIBU:** Penerima surat tawaran Rumah Mesra Rakyat (RMR) mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas keprihatinan kerajaan dalam membantu rakyat merealisasikan impian untuk memiliki kediaman sendiri.

Salah seorang penerima surat tawaran RMR tersebut yang dikenali sebagai Mayzatul Ismam Yahaya, 36, mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan melahirkan perasaan gembira setelah menerima surat tawaran RMR.

"Saya sangat berterima kasih kerana bagi golongan sederhana seperti saya sangat memerlukan bantuan seperti ini. Terima kasih kepada kerajaan," katanya ketika ditemubual pemberita selepas

menerima surat tawaran RMR di Pusat Khidmat DUN N55 Nangka, pagi semalam.

Sementara itu, seramai 26 penduduk dari Sibul dan tiga penduduk dari Kapit menerima surat tawaran RMR yang telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Perbadanan Perumahan Sarawak (HDC) Ali Omar Su'ut.

Menurut Ali, RMR dibahagikan kepada dua kategori dimana untuk bahagian Sibul dan Kapit adalah RMR untuk individu dan pemohon mesti ada lot tanah, mempunyai geran, dan pemohon akan memohon kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

"Satu kategori lagi RMR ialah Skim Pembesaran Kampung. Tanah dan semuanya akan diputuskan dan dikenal pasti oleh HDC, tapi cara

pemohon adalah sama iaitu melalui SPNB.

"Pembinaan rumah akan dilaksanakan oleh HDC untuk kedua-dua kategori RMR," ujarnya.

Katanya, sekiranya permohonan RMR di Sibul ini diluluskan, bermaksud ia merupakan RMR yang ada buat julung kalinya di Sibul.

"Di Sibul belum ada RMR Skim Individu dan Skim Pembesaran Kampung dan sekiranya permohonan diluluskan, ia merupakan projek RMR yang pertama kali di Sibul.

"Kerajaan memperuntukkan subsidi RM20,000 untuk RMR berharga RM73,000 dan ansuran bulanan adalah RM320 sebulan untuk tempoh 25 tahun atau 300 bulan. Pembayaran bulanan hendaklah dibayar kepada HDC," katanya lagi.



**MAYZATUL ISMAM YAHAYA...**  
terima kasih kerajaan.

Mengulas mengenai kriteria kelayakan bagi umur pemohon, beliau berkata, pemohon mesti berumur 18 tahun hingga 40 tahun, sekiranya umur melebihi 40 tahun, pemohon mesti menggunakan penama kedua yang berumur 18 hingga 40 tahun.



**SURAT TAWARAN...** Ali menyampaikan surat tawaran kepada salah seorang peserta yang memohon Rumah Mesra Rakyat (RMR) Skim Individu bagi kawasan Sibul dan Kapit, di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri Nangka, semalam.